

JABATAN TIMBALAN NAIB CANSOLOR (HAL EHWAL PELAJAR) UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.06.01/10.12/22Jld. 2 (60)

12 Oktober 2021
05 Rabiul awal 1443H

PEKELILING PELAJAR BIL. 15/2021

PINDAAN HAD MASA KELUAR BAGI PELAJAR YANG MENGINAP DI DALAM KAMPUS UTM JOHOR BAHRU DAN UTM KUALA LUMPUR

Sukacita dimaklumkan pihak Universiti melalui Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan Pergerakan Pelajar Bil. 39/2021 yang bermesyuarat pada 07 Oktober 2021 telah bersetuju untuk membuat pindaan dan penambahbaikan had masa keluar bagi pelajar- pelajar yang menginap di dalam kampus berkuat kuasa pada 13 Oktober 2021 sehingga pada satu tarikh yang akan dimaklumkan. Pindaan ini dibuat selaras dengan Kenyataan Media pada 6 Oktober 2021 berkenaan Peralihan Fasa Pelan Pemulihan Negara dan Kelonggaran Baharu di Negeri Johor dan Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur dari Fasa 2 ke Fasa 3. Pihak Kerajaan juga telah mengumumkan kebenaran rentas negeri mulai 11 Oktober 2021 bagi individu yang telah lengkap vaksinasi.

2. Butiran pindaan adalah seperti butiran berikut :

Peraturan Sedia Ada	Peraturan Baharu
Had masa yang dibenarkan untuk keluar dari kampus adalah tiga (3) jam bagi setiap kelulusan.	Pelajar diberi kebenaran keluar dari kampus dari jam 7 pagi hingga 10 malam.
Pelajar diberi kelayakan keluar dua (2) kali seminggu.	
Kelulusan terbuka bagi semua keperluan.	
Prosedur kelulusan : Permohonan dibuat melalui Pengetua Kolej.	Prosedur Kelulusan : Pelajar wajib meninggalkan Kad Pergerakan Pelajar di Pondok Pengawal dan merekod pergerakan keluar masuk kampus melalui QR Code yang disediakan.

3. Sehubungan itu, kerjasama daripada semua pelajar adalah diminta untuk mematuhi semua *Prosedur Operasi Standard (SOP)* yang ditetapkan oleh pihak Universiti. Walau bagaimanapun, arahan ini adalah tertakluk kepada perubahan dan kenyataan daripada pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN) dari semasa ke semasa.

../2

Sekian, terima kasih.

**“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH”**

Saya yang menjalankan amanah,



(PROF. DR. SHAMSUL BIN SAHIBUDDIN)
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)
Jabatan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)
Universiti Teknologi Malaysia
b.p : Naib Canselor
Emel: shamsul@utm.my

- s.k:
- YBhg. Datuk Naib Canselor
 - YBrs. Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
(Pengerusi Jawatankuasa Induk ERT UTM)
 - Pendaftar
Jabatan Pendaftar
 - Ketua Kluster Hospitaliti
Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
 - Semua Pengetua
Kolej Kediaman Pelajar
 - Presiden
Majlis Perwakilan Pelajar